

Bosnia disyor contohi Malaysia

UM 23/6/07

Daripada **BADRUL AZHAR RAHMAN**

SARAJEVO 22 Jun - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini mengesyorkan Bosnia dan Herzegovina agar mengambil contoh kaedah bersepadu yang dilakukan oleh Malaysia dalam merangka rancangan ekonomi, politik dan sosial di negara itu.

Perdana Menteri berkata, kerajaan dan masyarakat Bosnia dalam usahanya membina semula negara yang musnah dalam peperangan itu, boleh melihat secara dekat cara Malaysia mengekalkan perpaduan kaum dan keutuhan politik sebagai tunjang kepada kejayaannya sehingga hari ini.

"Bosnia boleh belajar daripada pengalaman yang dilalui oleh Malaysia dan kemudian menentukan kaedah yang paling sesuai untuk dilakukan di negara tersebut," katanya dalam syarahan awamnya bertajuk *Pembinaan Negara Dalam Sebuah Masyarakat Majmuk* di Universiti Sarajevo di sini.

Menurut Abdullah, beliau merasakan kaedah yang digunakan pakai di Malaysia sesuai juga di Bosnia kerana kedua-dua negara mempunyai struktur pelbagai kaum dan agama yang hampir sama.

"Jika Malaysia mempunyai tiga kumpulan kaum, Bosnia juga memiliki ciri-ciri yang sama dan persamaan ini juga wujud dari segi agama," tambahnya.

Kata beliau, rahsia yang paling penting dalam membangunkan sesebuah negara ialah memastikan setiap kumpulan termasuk yang minoriti diberi tempat dalam kerajaan dan pandangan mereka dihormati.

"Tiada siapa yang patut didiskriminasi atau diketepikan malah semua pihak harus dirujuk dan dibawa berbilang," jelasnya.

Menurutnya, ini penting bagi menjamin kestabilan politik di Bosnia dan seterusnya membolehkan segala rancangan pembangunan ekonomi serta sosial dilakukan dengan lancar.

"Begitu juga dengan pendekatan Islam Hadhari yang dilakukan di Malaysia telah menjadi faktor yang menyatupadukan sistem politik negara dan bukannya menjurus kepada perpecahan," kata beliau.

Beliau menambah, Bosnia boleh menggunakan kaedah Malaysia sebagai panduan atau merancang kaedah lain yang difikirkan boleh menjana ekonomi dan kestabilan negara tetapi yang lebih penting lagi ialah ia harus mempunyai satu rancangan bersepadu yang merangkumi semua aspek dari segi jangka pendek dan jangka panjang.



ABDULLAH Ahmad Badawi bersalam dengan ulama Islam Bosnia dan Herzegovina, Mustafa Cerić sambil diperhatikan Datin Seri Jeanne Abdullah (dua dari kiri) dan isteri Mustafa, Aera Cerić (kanan) di Universiti Sarajevo, semalam.

- Bernama

Katanya, pembinaan sesebuah negara perlu melibatkan semua pihak termasuk kerajaan dan rakyat.

Pada majlis tersebut, Universiti Sarajevo yang merupakan universiti tertua di Bosnia turut menganugerahkan Abdullah dengan Anugerah Pin Emas sebagai menghargai sumbangan besar beliau kepada pembangunan ekonomi dan akademik di Bosnia.

Anugerah tersebut disampaikan oleh rektor universiti itu, Prof. Dr. Faruk Čaklarić dan ia merupakan anugerah tertinggi daripada universiti berkenaan.

Perdana Menteri kemudian merasmikan Masjid Malaysia di Nova Breka yang dibina dengan bantuan kewangan kerajaan Malaysia.

- Utusan